

Seni Persembahan Topeng Sagu Melanau dalam Kaul Serahang Kakan di Sarawak

Melanau Sagu Mask Performing Arts in Kaul Serahang Kakan in Sarawak

Abdul Walid Ali (Walid Ali)^{1*}, Hishamuddin Siri², Awangko Hamdan Awang Arshad³

¹Universiti Teknologi MARA,
Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, MALAYSIA

^{2,3}Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS, 94300 Kota Samarahan, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.01.013>

Received 20 October 2022; Accepted 15 Mac 2023; Available online 30 June 2023

Abstrak: Masyarakat Melanau mempunyai satu budaya bertopeng semasa persembahan Serahang Kakan yang diperbuat daripada pokok rumbia. Dalam kajian ini, topeng tersebut dinamakan topeng sagu Melanau. Pemakai topeng akan menjadi subjek utama dalam Serahang Kakan dan seterusnya menjadikan Kaul sebagai satu aktiviti kebudayaan yang menarik dalam masyarakat Melanau. Proses penghasilan topeng, fungsi, dan nilai estetik budaya ini akan dibincangkan dalam kajian ini bagi melihat tinjauan awal seni persembahan ini yang jarang diberi perhatian oleh kebanyakan pengkaji kebudayaan Melanau. Sorotan kajian lepas dan beberapa siri kajian lapangan telah dibuat di Mukah untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Kajian mendapati bahawa keunikan material pembuatan topeng; pokok rumbia telah menjadikan topeng sagu Melanau ini mempunyai bentuk dan fungsi tersendiri dalam persembahan Serahang Kakan.

Kata kunci: Melanau, Serahang, Topeng, Seni Persembahan, Pesta Kaul

Abstract: The Melanau community has a masked culture during the Serahang Kakan performance, which is made from the sago palm tree. In this study, the mask is called the Melanau sago mask. The wearer of the mask becomes the main subject in the Serahang Kakan and subsequently makes Kaul an intriguing cultural activity within the Melanau society. The process of mask production, its functions, and the aesthetic value of this cultural heritage will be discussed in this study to provide an initial overview of this performance art that has received little attention from most Melanau

cultural researchers. Previous research highlights and several field studies have been conducted in Mukah to gather relevant information. The study found that the uniqueness of the material used in making the mask, the sago palm tree, gives the Melanau sago mask its distinct form and function in the Serahang Kakan performance.

Keywords: Melanau, Serahang, Mask, Performing Arts, Kaul Festival.

1. Pengenalan

Budaya persembahan bertopeng dalam kalangan masyarakat Borneo masih lagi diamalkan oleh penggiat teater komuniti yang banyak menjalankan aktiviti ritual. Penggunaan topeng dalam persembahan masyarakat telah menjadi satu aspek penting dalam pementasan teater, selain daripada menjadi lambang dan motif dekoratif yang unik. Terdapat pelbagai cara dan fungsi yang boleh dilakukan oleh masyarakat dalam menjalankan aktiviti bertopeng. Kebiasaannya, aktiviti ritual ini menjadikan pemakai topeng sebagai antara watak penting dalam persembahan.

Mereka biasanya akan menjadi penghubung atau simbol kepada satu situasi. Misalnya dalam masyarakat Dayak, tarian hantu merupakan suatu aktiviti bertopeng yang dipersembahkan oleh bomoh. Semangat tertentu dipercayai akan membantu bomoh melalui pemakaian topeng dalam keadaan yang sangat menyeramkan.

Persembahan ini akan dijalankan semasa kanak-kanak telah tidur pada waktu tengah malam [1]. Manakala dalam kebudayaan masyarakat Ngaju, aktiviti bertopeng dilakukan untuk menggambarkan ketuhanan, keramat nenek moyang, dan makhluk campuran sebahagian manusia atau haiwan [2]. Hal ini berkait rapat dengan penggunaannya sebagai satu objek budaya dekoratif yang menghubungkan dunia seharian dan kosmologi.

2. Kajian Literatur

Topeng juga berfungsi sebagai satu ritual persembahan untuk memohon kesuburan dan rezeki daripada pelbagai semangat [3]. Keadaan ini juga berlaku dalam kebudayaan masyarakat lain. Misalnya di Baluguan India, topeng gergasi berusia satu abad yang bersaiz setinggi empat kaki telah menjadi sumber penyembuh kepada penyakit. Pesakit akan dibawa ke dalam bilik yang menyimpan topeng singa gergasi ini dan upacara penyembuhan akan dijalankan di dalam bilik tersebut [4]. Budaya bertopeng dalam masyarakat Bali pula lebih menjurus kepada fungsi pengguna topeng sebagai seorang dalang, penghibur, ahli falsafah, dan juga dukun. Asal usul bentuk persembahan bertopeng Bali adalah daripada tarian bertopeng kerajaan Majapahit yang telah jatuh pada kurun keenam belas [5].

Dalam masyarakat Melanau, budaya bertopeng telah dilaksanakan secara turun-temurun dan masih lagi diamalkan sehingga hari ini. Sejarah kewujudan budaya ini masih lagi tidak diketahui. Namun begitu, budaya bertopeng ini boleh dikaitkan dengan budaya bertopeng di serantau Nusantara berikutan pendedahan terhadap dunia luar dalam masyarakat Melanau adalah lebih mudah. Hal ini mengambil kira faktor geografi masyarakat Melanau yang mendiami pesisir pantai, kegiatan nelayan yang dilakukan, dan juga kedudukan strategik kerajaan lama Melanau seperti Barong, Rajang, Sirik, Tellian, dan Igan yang terletak di kawasan yang berdekatan dengan sungai dan laut. Perdagangan yang berlaku pada waktu itu membuatkan banyak pengaruh luar dapat meresap ke dalam budaya tempatan. Masyarakat Melanau pagan percaya bahawa dunia ini ialah perkongsian di antara alam realiti dan mistik. Kepercayaan mereka terhadap Ipok sebagai semangat yang membentuk dunia ini merupakan perkara yang perlu diambil perhatian kerana daripada aktiviti ritual inilah lahirnya seni persembahan, termasuklah kesenian topeng.

Selain itu, budaya bertopeng juga sangat berkait rapat dengan kebudayaan lama masyarakat Melanau yang merupakan pagan, iaitu tidak mempercayai sebarang agama. Sebelum kehadiran Islam dan Kristian dalam masyarakat Melanau, mereka mengamalkan kepercayaan kepada pelbagai entiti kekuasaan selain daripada apa yang dipercayai oleh kedua-dua agama ini. Ipok dianggap sebagai satu kekuasaan yang tidak terbayang atau ternilai. Ipok juga mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat; dianggap sebagai semangat yang perlu diberi penghormatan tertinggi kerana kehidupan seharian masyarakat Melanau ditentukan oleh Ipok. Sama seperti kebanyakan kebudayaan pagan lain di Borneo, kepercayaan ini dilihat dapat menghasilkan satu bentuk seni persembahan yang diraikan bersama oleh masyarakat setempat.

Topeng Melanau digunakan untuk pelbagai tujuan dan mempunyai nilai estetik yang tersendiri. Kajian ini memberi fokus kepada penggunaan topeng dalam persembahan Serahang Kakan. Terdapat pelbagai jenis bahan asas yang boleh digunakan dalam pembuatan topeng, misalnya kayu. Namun begitu, topeng yang diperbuat daripada rumbia dipilih sebagai subjek kajian ini kerana keunikan penggunaan dahan rumbia sebagai bahan dalam pembuatan topeng. Dalam penulisan ini, topeng Sagu Melanau merujuk kepada topeng yang diperbuat daripada dahan rumbia.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metodologi kualitatif yang memberi fokus untuk menjawab persoalan-persoalan berkaitan peranan, estetik, dan hubung kait topeng sagu Melanau dalam kehidupan seharian dan aktiviti ritual masyarakat. Daripada sorotan kajian lepas yang dilakukan, didapati bahawa kebanyakan kajian berkaitan topeng Melanau tidak dibuat secara mendalam. Terdapat kajian yang hanya menyatakan tentang suasana dan keberadaan budaya bertopeng dalam Serahang Kakan seperti yang dilakukan oleh Appleton dalam kajiannya. Selain itu, penulisan adalah lebih tertumpu kepada sejarah berkaul dan Serahang Kakan di samping beberapa adat dan pantang larang yang wujud dalam persembahan Serahang Kakan.

Kebanyakan kajian lepas berkaitan masyarakat Melanau lebih menjurus kepada 'belum' atau 'dakan' dan proses perubahan; para pengkaji yang terlibat ialah Lawrance, Stephen Morris, Batrice Clayre, dan Jeniri Amir. Untuk itu, informan yang terlibat secara langsung dalam pembuatan topeng akan dikenal pasti dan kemudiannya ditemubual secara mendalam. Oleh itu, kajian tertumpu ini akan membantu dalam mendapatkan maklumat yang tepat selepas pengumpulan dan perbandingan data dilakukan. Terdapat tiga kali kajian lapangan yang telah dijalankan dalam kajian ini.

Kajian lapangan pertama dibuat untuk melihat dan mengumpul beberapa data berkaitan Serahang Kakan dan Kaul pada tahun 2018. Beberapa informan telah ditemui dan kemudiannya membentuk kumpulan informan yang lebih terarah kepada kajian proses pembuatan, adat, dan fungsi topeng sagu Melanau. Kajian lapangan kedua telah dibuat untuk mendapatkan maklumat daripada pakar kebudayaan Melanau dan juga pihak yang terlibat secara langsung dalam persembahan Serahang Kakan. Kajian ini lebih menjurus kepada pemahaman lebih mendalam tentang perkaitan antara Serahang Kakan dengan topeng sagu Melanau. Kajian lapangan ketiga pula memberi fokus kepada aktiviti sebelum, semasa, dan selepas upacara Serahang Kakan pada tahun 2019. Untuk kajian ini, pakar budaya, pembuat topeng, dan pembuat Serahang Kakan telah ditemubual. Kesemua maklumat yang dikumpul daripada sorotan kajian lepas dan kesemua siri kajian lapangan kemudiannya dikumpul, dianalisis, dan dibandingkan bagi memperoleh maklumat kajian yang lebih terarah.

4. Dapatan Kajian

Masyarakat Melanau dilihat sangat gemar menggunakan rumbia dalam penghasilan objek kebudayaan mereka. Selain itu, rumbia juga digunakan dalam pembuatan makanan dan juga pembuatan objek kesenian tenunan. Dalam erti kata lain, hampir kesemua bahagian dalam rumbia digunakan sepenuhnya oleh masyarakat Melanau, termasuklah dalam pembuatan topeng. Faktor praktikal menyebabkan rumbia sering digunakan dalam pelbagai aspek kebudayaan masyarakat Melanau. Pokok rumbia banyak terdapat di kawasan kediaman etnik ini. Pokok ini juga dijadikan sebagai penanda penerokaan tempat baharu, yang juga dikenali sebagai 'betalun' dalam masyarakat Melanau. Ritual dakan atau belum juga menggunakan pokok rumbia ini [6]. 'Dakan' diukir dengan hiasan yang menarik dan mempunyai nilai dan makna kepada penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Sekiranya sakit kepala, ukiran seperti memegang bahagian kepala akan dibuat. Objek ini kemudiannya akan "dimasukkan penyakit" ke dalamnya oleh pakar perubatan tradisi Melanau sebelum dihanyutkan ke sungai [7]. Dakan ini hanya boleh dibuat sekali sahaja, tidak boleh disentuh setelah dimasukkan penyakit ke dalamnya, dan akan dibuang dalam pelbagai cara; dihanyutkan, dibuang ke dalam hutan dan sebagainya dengan harapan agar penyakit ini tidak akan berulang kembali [8]. Masyarakat setempat mempercayai bahawa seseorang itu akan sembuh selepas melakukan aktiviti ini.

4.1 Penghasilan Topeng Melanau

Topeng sagu Melanau diperbuat daripada dahan rumbia yang telah dipotong. Dahan ini diperolehi daripada lebih dahan rumbia yang telah dipotong semasa proses batang rumbia diambil untuk dijadikan sagu. Kualiti yang diperlukan untuk membuat satu topeng adalah dahan yang tidak basah dan masih baru dipotong. Dahan yang basah biasanya mengandungi kuantiti air yang banyak. Hal ini memberi kesan kepada penghasilan ukiran di atas dahan nanti. Kuantiti air yang banyak ini menyebabkan bahagian dahan ini menjadi terlalu lembut untuk diukir. Ia juga berat dan menyukarkan proses untuk membawanya keluar dari dalam hutan.

Selain itu, dahan yang terlalu kering juga tidak bagus untuk dijadikan topeng kerana dahan ini akan menjadi kenyal dan tidak padat. Sekiranya dahan dengan kualiti sebegini digunakan dalam proses ukiran topeng, ukiran yang tidak memuaskan dan berkedut akan terhasil. Maka, ukiran garisan dan bentuk lengkungan menjadi sukar untuk dibentuk [9]. Jumlah air yang terlalu sedikit pula menyebabkan topeng menjadi berkedut dan tidak tegang. Warna yang dihasilkan oleh dahan sebegini lebih nampak pucat dan kurang menarik perhatian sekiranya dipersembahkan. Oleh itu, dahan terpotong yang masih baru dan belum lagi terbiar selama beberapa ketika ialah dahan yang baik. Dahan ini juga hendaklah tidak terdedah dengan kuantiti air yang banyak, sama ada disebabkan oleh faktor hujan atau diambil dari kawasan yang berair [10].

Topeng sagu Melanau yang menggunakan dahan rumbia ini merupakan satu ciri kebudayaan unik memandangkan kebanyakan tradisi kebudayaan lebih cenderung untuk menggunakan kayu sebagai bahan dalam pembuatan topeng. Kebiasaannya, penghasilan topeng yang menggunakan kayu diperbuat daripada bahagian batang pokok, berbeza dengan topeng sagu Melanau yang menggunakan bahagian dahan sebagai bahan asas pembuatan. Tidak banyak kebudayaan dunia yang membuat topeng daripada material dan bahagian dahan seperti topeng sagu Melanau.

Namun begitu, penggunaan tumbuhan dalam pembuatan topeng sagu Melanau menyebabkan ia sukar untuk disimpan untuk tempoh yang lama. Tempoh topeng untuk mengekalkan kualiti ukiran biasanya tidak melebihi seminggu. Pengkaji telah membawa topeng yang diukir dari Mukah dan menyimpannya dalam suhu bilik. Didapati bahawa topeng tersebut kelihatan tersejat airnya dan menjadi semakin mengecut. Pengkaji juga pernah melihat topeng ini disimpan di Muzium Mini Sapan Puloh, Kelvin Gallery. Berdasarkan pemerhatian, penyejatan air menyebabkan kualiti asal topeng tidak dapat dilihat. Topeng kelihatan mengecut dan membengkok sekaligus menyebabkan keadaan topeng ini tidak sama seperti keadaan asal.

4.2 Fungsi Topeng Sagu Melanau

Kaul Melanau bermula dengan kepercayaan masyarakat Melanau yang menganggap Ipok tidak gembira dan menyebabkan masyarakat Melanau mendapat wabak. Untuk memujuk semula Ipok yang telah murka, masyarakat Melanau perlu membuat satu upacara persembahan yang bertujuan untuk membersihkan segala kekotoran dan perbuatan kurang baik oleh penduduk. Dengan memberikan persembahan serahang yang menarik dan penuh adat kepada Ipok, masyarakat Melanau berharap supaya pembersihan kampung dapat dijalankan dan mereka dibenarkan untuk kembali membuat aktiviti sosial dan pekerjaan oleh Ipok.

Topeng ini dilihat sebagai simbol kepada alam lain dan juga sebagai simbol pembersihan. Topeng sagu Melanau dalam persembahan Serahang Kakan semasa Kaul perlulah berada dalam perahu utama yang membawa serahang. Topeng ini juga diperlukan dalam setiap persembahan Serahang Kakan kerana dipercayai bahawa tanpa kehadiran topeng ini, Serahang Kakan tidak dapat dijalankan dengan baik berikutan topeng ini merupakan simbol semangat untuk mengiringi upacara tersebut [11][12].

Sebagai perbandingan, dakan iaitu artifak purba masyarakat Melanau berada di dalam sampan utama di Dalat. Bagi aktiviti perubatan yang menggunakan dakan, segala penyakit akan disimpan dalam dakan dan dihanyutkan ke dalam sungai supaya penyakit ini dapat dipulangkan ke tempat yang sepatutnya. Tiada sesiapa pun dapat menyentuh atau mengganggu dakan ini semasa dihanyutkan kerana dikhuatiri akan memberikan penyakit kepada orang yang menyentuh itu [13]. Ukiran pada topeng juga mempunyai pengaruh dakan [14] [15]. Merujuk kepada pakaian asal bertopeng iaitu kain jut guni, dapat dijangkakan bahawa topeng ini berfungsi sebagai simbol pembersihan dan semangat.

Aktiviti bertopeng ini juga berfungsi untuk mengawal keadaan persembahan Serahang Kakan daripada diganggu oleh kanak-kanak. Oleh itu, topeng ini pada asalnya dihasilkan dalam bentuk yang sangat menyeramkan [16]. Kanak-kanak yang suka bereksplorasi akan sentiasa berada di pelbagai kawasan dan berkemungkinan akan mengganggu ritual yang dijalankan. Kepercayaan bahawa budaya bertopeng ini sebagai Ipok iaitu semangat dalam masyarakat Melanau berkemungkinan bermula daripada ketakutan kanak-kanak terhadap budaya bertopeng ini. Di samping itu, budaya bertopeng ini juga merupakan simbol kepada alam lain bagi membantu dalam menjadikan upacara tersebut lebih baik dan tersusun.

Namun begitu, fungsi topeng ini telah menjadi sedikit berbeza dalam dunia moden. Walaupun masih dianggap sebagai pembawa semangat oleh penduduk setempat, topeng sagu ini dilihat sebagai satu budaya bagi memeriahkan acara. Rekaan topeng yang moden adalah lebih mudah dan kurang kelihatan keseramannya berbanding rekaan asal. Perkara ini diakui oleh pembuat topeng, iaitu Hatt Ruji yang menganggap rekaan topeng kini adalah lebih bebas dan bergantung kepada kreativiti pereka berbanding rekaan asal. Hal ini sedikit sebanyak telah mengubah pemikiran pengunjung yang melihat budaya bertopeng sebagai hiburan yang tidak lagi begitu menyeramkan.

Perwatakan pemakai topeng juga lebih terbuka dan kelihatan lebih mesra dalam meraikan aktiviti ritual ini, seperti melambai tangan sewaktu berada dalam sampan dan sentiasa bersedia untuk bergambar dengan pengunjung. Situasi ini telah mengubah sedikit persepsi masyarakat kepada topeng ini. Pemodelan juga dilihat sebagai faktor yang membawa kepada keadaan ini. Pengunjung sudah mula mengabadikan kenangan dengan mengambil gambar suasana upacara dan juga bergambar bersama pemakai topeng. Walaupun budaya bertopeng ini dilihat untuk memeriahkan suasana dalam dunia moden, acara berkaul tetap terkawal seperti biasa. Hal ini berkemungkinan kerana masyarakat sudah mula mematuhi segala pantang larang acara Kaul yang telah dijalankan selama bertahun-tahun. Selain itu, fungsi topeng sebagai elemen utama dalam Kaul tetap tidak diabaikan.

4.3 Nilai Estetik Topeng Sagu Melanau

Pada kebiasaannya, satu topeng bersaiz kira-kira separuh depa. Saiz ini sangat besar untuk menutup bahagian muka pemakai topeng. Jika dibandingkan dengan kebudayaan Nusantara yang lain seperti topeng Hudok, topeng Bali, dan topeng semangat Mah Meri, saiz topeng sagu Melanau ini adalah lebih besar. Saiz yang besar ini adalah disebabkan oleh penggunaan dahan rumbia dalam penghasilan topeng. Kebanyakan bahagian dalam batang rumbia ini digunakan, manakala bahagian tepi dan dalam dahan dikekalkan.

Kedua-dua topeng sagu Melanau bagi jantina lelaki dan perempuan mempunyai saiz yang sama. Dapat diperhatikan dalam persembahan bertopeng ini bahawa tidak terdapat satu perbezaan saiz yang dominan mengikut jantina. Namun begitu, terdapat beberapa ciri rekaan seperti topeng bermisai dan berdagu tirus untuk membezakan keduanya. Topeng lelaki akan kelihatan lebih bersegi dan tajam, serta kelihatan lebih keras berbanding topeng perempuan yang kelihatan lebih lembut, mempunyai lengkungan dan kurang segi sepertimana stereotaip pandangan visual lelaki dan perempuan dalam kehidupan seharian.

Bentuk dahan rumbia sebagai jenis dahan palma juga mempengaruhi bentuk rekaan topeng. Bentuk lurus di bahagian tepi topeng dikekalkan dan ini memberi kesan kepada bentuk topeng yang semakin mengecil ke bawah. Bahagian atas topeng dilihat lebih besar berbanding bahagian bawah muka topeng; iaitu bahagian dagu yang menjadi semakin mengecil. Dalam erti kata lain, bahagian hujung dahan rumbia digunakan untuk bahagian dagu manakala bahagian pangkal satu dahan digunakan untuk bahagian atas kepala. Bahagian kiri dan kanan topeng pula berbentuk lurus.

Bentuk ini jarang ditemui dalam topeng Nusantara setempat yang lebih memfokuskan kepada simetri rekaan. Topeng Bidayuh berbentuk bonjol, manakala topeng Hudok pula memberi lebih perhatian kepada bahagian dagu berbanding atas kepala. Bentuk topeng sagu Melanau ini memperlihatkan satu bentuk yang hampir menyamai konsep rekaan topeng Tiki oleh masyarakat Polynesia yang mengekalkan elemen lurus pada bahagian kiri dan kanan. Elemen separuh silinder juga kelihatan hampir serupa dengan topeng Tiki. Didapati kebanyakan topeng Nusantara berbentuk bujur seperti topeng etnik Bidayuh, Kayan, dan masyarakat Bali. Perkara ini jelas berbeza dengan ciri-ciri bentuk topeng sagu Melanau.

Bahagian belakang topeng adalah keras kerana kualiti asal dahan tidak diganggu. Hanya sedikit ukiran dilakukan untuk membuat lubang yang terhasil daripada bahagian depan topeng. Untuk bahagian depan topeng, kulit dikeluarkan pada bahagian tengah dan sedikit kulit ditinggalkan pada bahagian kiri dan kanan topeng. Hal ini untuk mengekalkan kekerasan bahagian tepi topeng dan bagi menahan topeng sekiranya diletakkan tali.

Ukiran banyak dibuat di bahagian depan yang telah dibuang kulit. Bentuk bahagian muka seperti mata, hidung, dan mulut akan diukir di bahagian tersebut. Terdapat juga pengukir yang sengaja mengukir topeng dengan bentuk yang tidak simetri, seperti bahagian mata kiri lebih besar dari mata kanan. Keadaan ini bertujuan untuk menggambarkan topeng ini mempunyai ciri-ciri dakan yang digambarkan sebagai tidak sempurna [17]. Namun begitu, terdapat juga rekaan topeng yang nampak kemas dan tersusun. Justifikasi untuk melakukan rekaan begini adalah berdasarkan faktor kebebasan berkarya yang diberikan kepada pengukir topeng [18].

Menurut pendapat pengukir Benedict, topeng ini dilihat mempunyai perkaitan rapat antara nilai topeng sebagai pembawa semangat dalam masyarakat Melanau. Fungsi topeng juga mempunyai kaitan dengan dakan yang bertujuan untuk melakukan pembersihan elemen-elemen tidak baik seperti penyakit. Semangat penyakit akan dimasukkan ke dalam dakan dan dakan ini tidak boleh disentuh setelah dihanyutkan kerana dipercayai akan membawa nasib tidak baik. Objek budaya ini kelihatan menarik kerana ukiran yang dihasilkan untuk membuat dakan ini sangat elaboratif atau penuh teliti. Dalam kebanyakan kebudayaan, objek budaya elaboratif biasanya akan disimpan disebabkan oleh pembuatannya yang sukar. Namun begitu, dalam kebudayaan Melanau, objek budaya yang diukir dengan indah dan elaboratif ini akhirnya akan dibuang.

Dapat dilihat bahawa objek budaya menjadi penghubung atau simbol kepada sesuatu perkara. Dalam hal dakan, ukiran akan mengikut kepada jenis sesuatu penyakit yang dihadapi. Sekiranya sakit perut, dakan akan diukir untuk menyentuh perut. Begitu juga halnya dengan topeng, Benedict menyatakan bahawa penghasilan topeng perlulah mempunyai kualiti seperti dakan. Dalam erti kata lain, topeng boleh dijadikan sebagai objek bagi tujuan pembersihan masyarakat daripada perkara yang tidak baik, sama seperti tujuan pembuatan dakan dan persembahan Serahang Kakan.

Moderniti dilihat wujud dalam ukiran yang dibuat oleh pengukir yang dikenali sebagai Hatt Ruji kerana Hatt lebih memberikan kebebasan berkarya kepada pembuat topeng. Hatt juga percaya bahawa semua jenis ukiran adalah berdasarkan kreativiti, dan perkaitan antara dakan dan topeng kurang diambil perhatian. Walaupun begitu, Hatt masih melihat topeng sebagai satu objek budaya yang mempunyai nilai kudus dan tidak boleh dibuat sesuka hati. Beliau juga berpendapat bahawa topeng tersebut tidak boleh dibuang dalam tempoh beberapa hari kerana topeng yang dibuat itu dipercayai 'hidup' kerana bentuk mata dan mulut telah diukir dengan ditebuk lubang.

Manakala bagi topeng yang tidak ditebuk, iaitu hanya ukiran wajah tanpa tebukan lubang berbentuk mata dan mulut ialah topeng yang 'belum hidup'. Kebiasaannya, topeng sebegini digunakan untuk perkara yang tidak berkaitan dengan ritual. Dipercayai sekiranya ritual menggunakan topeng hidup, topeng tersebut boleh membawa masalah dengan meminta darah sekiranya dihidupkan. Beberapa bacaan perlu dibaca dan topeng diludah dengan sirih untuk menghidupkannya.

Daun menjurai iaitu daun gegayut dalam Melanau Mukah juga diletakkan pada bahagian atas topeng untuk melambangkan rambut. Kadangkala rambut palsu turut digunakan dalam pembuatan topeng. Dalam hal ini, rambut palsu dilihat sebagai kesan kemodenan yang menggantikan daun menjurai iaitu bahan asal untuk topeng ini. Namun begitu, daun menjurai masih lagi diamalkan kerana nilai tradisi ini mempunyai nilai estetik yang sukar diperolehi dari visual dan kualiti rambut palsu. Topeng utama untuk persembahan Serahang Kakan mempunyai kedua-dua elemen rambut palsu dan daun menjurai ini.

Dalam siri kajian lapangan yang dibuat, didapati bahawa penggunaan topeng jelas diperlihatkan sebagai satu persembahan yang dijadikan simbol pembersihan. Hal ini dapat dilihat melalui topeng yang dihasilkan oleh pembuat topeng utama. Menurut kepercayaan, topeng dalam perahu utama perlulah topeng berpasangan iaitu lelaki dan perempuan. Selain itu, topeng ini perlulah sentiasa mengiringi Ulo Kaul di sepanjang muara sungai Tellian sehinggalah ke pantai Kala Dana [19] [20]. Pasangan topeng berjantina lelaki dan perempuan ini dilihat sebagai satu simbol mengenai keadaan saling melengkapi dalam kebudayaan masyarakat Melanau. Semua informan yang ditemubual bersetuju mengenai keperluan pasangan topeng ini untuk berada dalam perahu utama. Mereka juga bersetuju dengan kepentingan bertopeng dalam perahu utama yang menjadi simbol utama dalam persembahan Serahang Kakan. Dalam perahu utama, terdapat serahang yang akan dipersembahkan kepada Ipok di Kala Dana nanti. Dalam serahang tersebut, terdapat anyaman 'itik iyeng' iaitu dipercayai sebagai makhluk peliharaan Ipok yang akan membawa nasib tidak baik sekiranya mereka menemui itik ini. Dari sini dapat dilihat bahawa selain daripada membawa hadiah kepada Ipok, serahang juga membawa bersama makhluk peliharaan Ipok sebagai persembahan. Topeng sagu Melanau juga tidak terkecuali sebagai "simbolik pelbagai semangat" [21] [22]. Perkara ini telah menjadikan topeng sebagai satu elemen ritual yang bukan sekadar watak dalam persembahan Serahang Kakan. Fungsi topeng dalam perahu utama ini jelas dilihat sebagai satu pembersihan seperti penggunaan dakan; selain daripada menunjukkan simbol keharmonian dunia manusia dan kosmos Melanau.

Topeng yang dihasilkan dalam rujukan visual persembahan lama sebelum ini adalah lebih menyeramkan dan lebih bersifat dekoratif, berbanding dengan ukiran topeng yang lebih kemas oleh pengukir utama. Topeng tersebut digunakan dengan dipakai di muka atau diletakkan dalam perahu berhias. Sebaliknya, topeng lain tidak berada dalam perahu utama yang membawa serahang, tetapi diletakkan dalam perahu lain. Topeng-topeng lain juga tidak ditebuk mata dan mulutnya kerana mereka tidak mahu 'menghidupkan' topeng ini, berbeza dengan topeng dalam perahu utama yang bertujuan untuk 'dihidupkan'.

Antara pihak yang terlibat dalam memeriahkan budaya bertopeng ini ialah Maclester. Ukiran yang dibuat oleh Maclester lebih menyeramkan malah mempunyai banyak elemen tajam, yang biasanya merujuk kepada sifat yang keras. Terdapat elemen tambahan yang didapati dalam topeng ukiran Maclester seperti gigi yang tajam, mata yang lebih garang, dan juga tambahan aksesori topeng pada bahagian kening dan dagu seperti cucukan kumpulan lidi pada bahagian dahi. Ukiran yang dibuat Maclester lebih mendekati ukiran-ukiran yang dibuat oleh pengukir lama dengan merujuk kepada imej-

imej bertopeng Melanau dalam jurnal dan buku yang pernah diterbitkan. Sebaliknya, ukuran Benedict bersifat kurang simetri kerana beliau percaya bahawa topeng perlulah mempunyai ciri-ciri ini.

Elemen-elemen seperti ini sukar dilihat dalam ukiran pada topeng utama dan topeng lain ketika Serahang Kakan. Pengukir topeng utama, Hatt Ruji pula lebih menekankan aspek kekemasan dan minimal dalam ukirannya. Ukiran Hatt dilihat lebih teliti dan kemas berbanding topeng lain. Topeng lain dalam persembahan lebih menekankan nilai keseraman yang perlu ada dalam topeng.

Dapat dilihat bahawa setiap pengukir bebas untuk membuat gaya ukiran sendiri. Namun begitu, terdapat beberapa ciri-ciri budaya yang masih dikekalkan oleh pengukir. Topeng rumbia ini sangat signifikan kepada kebudayaan Melanau memandangkan rumbia dianggap sebagai satu tumbuhan utama dalam masyarakat Melanau. Faktor demografi menyebabkan masyarakat Melanau menggunakan pokok ini sebagai sumber makanan ruji, penggunaan ketika ritual, dan untuk menanda kawasan penduduk (disebut betalun dalam Bahasa Melanau). Elemen pokok rumbia itu menjadikan topeng sagu ini unik berbanding topeng Nusantara lain. Dalam hal ini, bahan yang digunakan dan proses pembuatan topeng ialah sama. Sebagai contoh, didapati bahawa setiap pengukir akan membuat ukiran bahagian muka mengikut turutan yang sama iaitu diakhiri dengan ukiran bahagian mulut. Bahagian tepi topeng juga dibiarkan dan tidak dikopek.

Setiap pengukir bersetuju bahawa tujuan awal budaya bertopeng Serahang Kakan ialah untuk menakutkan kanak-kanak dalam aktiviti ritual ini supaya mereka menjadi lebih sopan dan tidak melakukan perbuatan yang tidak baik. Peranan ini telah mula sedikit berubah pada zaman kini apabila topeng dijadikan satu simbol budaya yang menjadi tarikan penonton. Sekiranya dahulu kanak-kanak lari bertempiran sebaik sahaja melihat persembahan bertopeng, kini topeng ini menjadi aspek kebudayaan penting untuk menarik minat orang awam. Walaupun demikian, topeng yang diukir oleh Maclester Sidu masih menyebabkan segelintir kanak-kanak berasa takut. Mereka kelihatan ketakutan serta menjauhkan diri dari topeng tersebut walaupun berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang topeng itu. Walaupun pada masa kini aktiviti bertopeng semakin mudah didekati orang ramai, namun pemakai topeng masih tidak boleh memperkenalkan diri kepada umum sebelum ritual tamat. Kepercayaan ini dapat memberikan nilai eksklusif kepada pemakai topeng [23]. Mata yang ditebuk pada topeng utama secara praktikalnya digunakan untuk melihat dengan lebih jelas manakala mulut yang ditebuk pula berfungsi untuk menyampaikan suara dengan lebih jelas. Hal ini dilihat membantu dalam memberi kesan seram yang lebih kuat apabila pemakai topeng menyergah kanak-kanak [24]. Namun begitu, dalam persembahan terkini, pemakai topeng lebih banyak mengiringi Ulo Kaul dan Serahang. Pemakai topeng juga kelihatan lebih mesra apabila melambaikan tangan kepada penonton sepanjang sesi perarakan di sungai Tellian sehingga ke Kala Dana.

Topeng sagu Melanau ini ialah satu kebudayaan unik untuk dikaji terutamanya dari aspek penghasilan topeng. Tujuan asal topeng dikenal pasti untuk mengawal keadaan ritual supaya tidak diganggu oleh anak kecil di samping membantu memeriahkan suasana ritual [25] [26]. Topeng juga pada asalnya ialah bertujuan menjadi simbol pembersihan, dan dilihat sebagai satu persembahan utama dalam Serahang Kakan. Keunikan seni ukiran topeng pada asalnya perlulah mempunyai elemen seram dan nilai elaboratif. Dalam dunia kini, motif ukiran topeng Melanau adalah lebih bebas. Namun begitu, nilai tradisi seperti proses penghasilan topeng, material yang digunakan, dan makna asal topeng antara simbol utama dalam Serahang Kakan masih dikekalkan.

5. Kesimpulan

Setiap pengukir bersetuju bahawa tujuan awal budaya bertopeng Serahang Kakan ialah untuk menakutkan kanak-kanak dalam aktiviti ritual ini supaya mereka menjadi lebih sopan dan tidak melakukan perbuatan yang tidak baik. Peranan ini telah mula sedikit berubah pada zaman kini apabila

topeng dijadikan satu simbol budaya yang menjadi tarikan penonton. Sekiranya dahulu kanak-kanak lari bertempiraran sebaik sahaja melihat persembahan bertopeng, kini topeng ini menjadi aspek kebudayaan penting untuk menarik minat orang awam. Walaupun demikian, topeng yang diukir oleh Maclester Sidu masih menyebabkan segelintir kanak-kanak berasa takut. Mereka kelihatan ketakutan serta menjauhkan diri dari topeng tersebut walaupun berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang topeng itu.

Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] Ali, M. K. H. (1983). *Masks of Sarawak in the Collection of Muzium Negara Malaysia*. Museums Association of Malaysia.
- [2] Sillander, K., & Couderc, P. (2012). *Ancestors in Borneo Societies: Death, transformation, and social immortality*.
- [3] Emigh, J. (1996). *Masked performance: the play of self and other in ritual and theatre*. University of Pennsylvania Press.
- [5] Kodi, I. K., Foley, K., & Sedana, I. N. (2005). Balinese mask dance from the perspective of a master artist: I Ketut Kodi on Topeng. *Asian Theatre Journal*, 22(2), 199-213.
- [6] Seng, C. C. (1987). *Traditional Melanau woodcarving (bilum) in Dalat, Sarawak*. Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- [7] Clayr, Beatrice, dan Julia Nicholson. (1999). "Melanau Sickness Images in The Pitt Rivers Museum." *The Sarawak Museum Journal*, Vol. 54, No. 75, pp. 105-141.
- [8] Munan, Heidi. (1989). *Sarawak Crafts*. New York: Oxford University Press.
- [9] Maclester Bin Sidu, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Penghasilan Topeng Melanau Untuk Serahang Kakan*, 2019
- [10] Benedict Bin Peter, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Untuk Kaul*, 2018
- [11] Benedict Bin Peter, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Untuk Kaul*, 2018
- [12] Hatt Bin Ruji, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Serahang Kakan*, 2019
- [13] Munan, Heidi. (1989). *Sarawak Crafts*. New York: Oxford University Press.
- [14] Tommy Black Mark Lang, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Kepercayaan dan Adat Resam Melanau*, 2018
- [15] Benedict Bin Peter, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Untuk Kaul*, 2018
- [16] Tommy Black Mark Lang, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Kepercayaan dan Adat Resam Melanau*, 2018
- [17] Benedict Bin Peter, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Untuk Kaul*, 2018
- [18] Hatt Bin Ruji, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Serahang Kakan*, 2019

- [19] Hatt Bin Ruji, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Serahang Kakan*, 2019
- [20] Benedict Bin Peter, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Untuk Kaul*, 2018
- [21] Chong Chin Seng. (1987). *Traditional Melanau Woodcarving (bilum) in Dalat, Sarawak*. Kuching: Sarawak Literary Society.
- [22] Hatt Bin Ruji, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Serahang Kakan*, 2019
- [23] Hatt Bin Ruji, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Topeng Melanau Serahang Kakan*, 2019
- [24] Tommy Black Mark Lang, temubual oleh Abdul Walid Ali. *Kepercayaan dan Adat Resam Melanau*, 2018
- [25] Tommy Black Mark Lang, temubual oleh Awangko' Hamdan Awang Arshad. *Minggu Persiapan Untuk Serahang Kakan*, 2019
- [26] Eduine Kusai, temubual oleh Awangko' Hamdan Awang Arshad. *Kepercayaan dan Adat Resam Melanau*, 2018